



JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

KENYATAAN BAGI MENDAPATKAN TAWARAN SEBUTHARGA

BILANGAN RUJUKAN : JBBSB/SH/2026-2027/20/SPA/13
TAJUK SEBUTHARGA : TO REPAIR AND SUPPLY STREET LIGHT AT PASAR GADONG
HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP : KHAMIS, 27/08/2026, JAM 2.00 PETANG.
KETERANGAN LANJUT BOLEH : UNIT PEMULIHARAAN ASET,
SEKSYEN PENYELENGGARAN ASET,
DI BANGUNAN BLOK B1, JABATAN BANDARAN,
BANDAR SERI BEGAWAN, TINGKAT 3
FLAT PERUMAHAN KERAJAAN, JALAN SERI BERIBI GADONG,
BE1118, BANDAR SERI BEGAWAN.

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat dan Pembekal-Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-Nama Perniagaan (Business Names Act) dan sebutharga ini hanya layak bagi Syarikat-Syarikat dan Pembekal-Pembekal yang mempunyai **kategori kerja Kod Bil. E01 Pemasangan Pendawaian Elektrik dan Kelas 1, 2 & 3 sahaja.**
2. Dokumen Sebutharga dikenakan bayaran sebanyak \$9.00 (Sembilan Ringgit Brunei) dan pembayaran hanya boleh dibuat di Kaunter Pembayaran Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri. Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebutharga berkenaan adalah pada Hari Rabu, 26/08/2026, Jam 2.00 Petang di Kaunter Pembayaran, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
3. Sebutharga dan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis disebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebutharga kepada:-

PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke:-

PETI TAWARAN SEBUTHARGA
TINGKAT 3,
BANGUNAN JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
JALAN PERDANA MENTERI BA1512
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

5. Jika penender berhajat untuk membatalkan atau tidak ikut serta dalam tawaran ini. Dokumen asal hendaklah dikembalikan dengan tatacara sama seperti para 3 & 4.
6. Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang termurah atau seumpamanya.

[PENGIRAN HAJI LIYAN BIN PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]
Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Tarikh: hb.Safar 1448
hb.Ogos 2026

S.k
Pmk. PLB
KBPE (KB)
KSPA (AM)

PRO - Kenyataan bagi mendapatkan sebutharga ini untuk dimasukkan ke dalam laman sesawang JBBSB
Jawatankuasa Sebutharga